

TARIKH: 9/9/23.
SURAT KHABAR: *utusan Malaysia*.
MUKA SURAT: 9.

Suri rumah kini lega bantuan Perkeso

KIT MERTAJAM: "Dulu, seorang arwah (suami) yang urus. Bil-bil semua dia bayar. Ia, anak semua dia tanggung. Saya dapat bantuan daripada keso (Pertubuhan Keselamatan Sosial) ini, rasa kurang bebas yang saya terpaksa tanggung apabila dia tiada kerana saya tak bekerja."

tu kata Nur Ammera Atan, 32, isteri kepada Muhamad Firdaus Rosli, 36, seorang penghantar kangan yang maut dalam kejadian ketika sedang sedang tugas menghantar pesanan kangan kepada pelanggannya, baru ini.

Nur Ammera berkata, pemerintah arwah suaminya secara ngejut itu benar-benar memiliki kesan terhadap kehidupan memandangkan dia bukan saja perlu menjaga empat anak atau bersendirian, malah perlu menjaga bapanya yang uzur.

"Saya akui, dari segi belanja (sejak ketiadaan arwah) menjadi agak terganggu sedikit ana tiga daripada empat anak a bersekolah dan seorang lagi sih bayi."

"Selain itu, saya juga memang pernah dapat bantuan darila mana-mana pihak sebelumnya dan hanya mengharapkan seorang sahaja yang bekali," katanya.

Nur Ammera ditemui ketika merima kunjungan Timbalan garah Perkeso Pulau Pinang, am Hong Lan di rumah kegannya di Machang Bubok, di semalam.

Pada kunjungan itu, Hong yang turut ditemani Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon it menyerahkan surat pembantuan pencen penakat atas nama almarhum Muhamad Firdaus yang juga merupakan pencarum



LEE Khai Loon (kanan) meluangkan masa melawat keluarga arwah Muhamad Firdaus Rosli yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya, awal bulan lepas di Machang Bubok, Pulau Pinang semalam.

“

Kami telah buat pelbagai persiapan (untuk menyambut kepulangan Muhamad Firdaus) termasuk membeli katil khas untuknya. Tapi, dia telah ditakdirkan untuk pergi dahulu dan kami sekeluarga reda.”

FAIZAH ABDULLAH

di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Sebagai Orang Berinsurans Bekerja Sendiri (OBBS), antara faedah yang diterima oleh waris Allahyarham di bawah skim itu ialah pencegahan bulanan sebanyak RM1,395 selain faedah pengurusan jenazah sebanyak RM2,000 secara 'one-off'.

Mengulas mengenai nahas yang memimpin suaminya, Nur Ammera berkata, Muhamad Firdaus terlibat dalam kemalangan pada 2 Ogos lalu ketika dalam perjalanan menghantar tempahan pelanggan di Alma, dekat sini.

Katanya, arwah ketika itu dikatakan cedera parah iaitu pendarahan di kepala selain retak tempurung kepala.

"Arwah menerima rawatan terakhir di Hospital Bukit Mertajam (HBM) sebelum meninggal

dunia pada 30 Ogos lepas. Ketika itu, memang saya bantu kerana tidak tahu apa perlu dibuat," katanya yang memaklumkan, keluarganya dan arwah suami banyak membantu melancarkan urusan sehari-hari mereka.

Dalam pada itu, ibu kepada Allahyarham Muhamad Firdaus iaitu Faizah Abdullah, 59, memberitahu, anak sulungnya itu menerima rawatan selama hampir sebulan di beberapa buah hospital termasuk HBM dan hari arwah meninggal dunia itu sepatutnya merupakan hari dia dibenarkan pulang ke rumah.

"Kami telah buat pelbagai persiapan (untuk menyambut kepulangan Muhamad Firdaus) termasuk membeli katil khas untuknya. Tapi, dia telah ditakdirkan untuk pergi dahulu dan kami sekeluarga reda," ujar ibu kepada empat anak itu.

*utusan Malaysia
9/9/23 msq*